

3R, DAKWAH DAN POLITIK ISLAM DI MALAYSIA: PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

3R, DA'WAH AND POLITICAL ISLAM IN MALAYSIA: LEGAL PERSPECTIVE

Che Hamdan Che Mohd Razali^{1*}
Khairul Anuar Abdul Hadi²,
Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar³

¹ Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, Raub, 27600, Pahang (E-mail: cheha375@uitm.edu.my)

² Fakulti Undang-Undang, UiTM Cawangan Pahang, Kampus Raub, Raub, 27600, Pahang (E-mail: khairulanuarah@uitm.edu.my)

³ Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, Gong Badak 21300 Kuala Nerus, Terengganu (E-mail: rohilaganti@unisza.edu.my)

*Corresponding author: cheha375@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Che Mohd Razali, C. H., Abdul Hadi, K. A., & Wan Abdul Ghapar, W. R. G. (2025). 3R, dakwah dan politik Islam di Malaysia: Perspektif undang-undang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 753 – 769.

Abstrak: *Penulisan ini mengkaji pertembungan yang berlaku berkaitan dengan larangan pemerintah dalam menyentuh perkara berkaitan dengan kaum, agama dan raja atau lebih dikenali sebagai 3R (Race, Religion and Royalty) dengan dakwah Islam dan juga politik Islam di negara ini dari perspektif perundangan. Berasaskan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 (1), Islam adalah agama Persekutuan dan agama lain bebas diamalkan dengan bebas dan harmoni. Konflik yang berkaitan dengan perkara ini telah membawa kepada perbahasan dan terdapat kes yang tidak dapat dikawal sehingga memerlukan tindakan undang-undang. Beberapa kes mahkamah yang melibatkan individu-individu yang berkaitan dengan 3R diberi tumpuan dalam kajian ini bagi dengan objektif untuk menilai interpretasi perundangan dan bagaimana ia membentuk sempadan dalam menjaga keharmonian dalam masyarakat dan mematuhi ketetapan undang-undang negara. Unsur-unsur politik dalam menilai dan memahami wujudnya persimpangan yang bersilang di antara isu berkaitan dengan 3Rs dan juga dakwah dan politik Islam memberi pengaruh terhadap sudut perundangan. Berdasarkan kajian yang berbentuk kualitatif dengan rujukan sumber primer dan juga sekunder huraian dilakukan dalam bentuk deskriptif dan analitikal. Kajian mendapati wujudnya implikasi yang besar dari segi amalan perundangan berkaitan dengan 3Rs terhadap dakwah dan politik Islam tetapi pada masa yang sama ia menjadi benteng dalam menjaga keharmonian dalam masyarakat majmuk di negara ini. Artikel ini boleh menyumbang kepada kajian berkaitan dengan pertembungan diantara kelompok Islamis sesama mereka dan juga terhadap pemerintah dalam konteks 3R di Malaysia.*

Kata kunci: 3R, dakwah, politik Islam, perlembagaan, undang-undang

Abstract: *This article analyses the juridical tensions between state-imposed restrictions on sensitive matters of race, religion, and royalty (the '3Rs') and the spheres of Islamic da'wah (proselytisation) and political discourse in Malaysia. Contextualised within Article 3(1) of the Federal Constitution—which establishes Islam as the religion of the Federation while guaranteeing the peaceful practice of other faiths—this study investigates the legal framework governing these intersections. Conflicts arising from these domains have often escalated into public disputes, necessitating legal intervention. Through a qualitative analysis of primary and secondary sources, this paper scrutinises key judicial decisions related to the 3Rs to assess how legal interpretations delineate the boundaries between constitutionally protected rights and imperatives for social harmony. The study shows that political elements are inherently linked to the legal evaluation of this nexus. Findings indicate that the legal apparatus concerning the 3Rs has significant implications for the expression of Islamic da'wah and politics, while simultaneously functioning as a regulatory mechanism to preserve stability in a multicultural society. This research contributes to the scholarly discourse on state-religion relations, intra-community religious dynamics, and the legal governance of identity politics within the Malaysian context.*

Keywords: *3R, dakwah, political Islam, constitution, legal*

Pendahuluan

Istilah 3R sebenar sudah lama berakar umbi dalam landskap sosio-politik Malaysia. 3R ini yang merujuk kepada awalan bagi tiga perkataan dalam bahasa Inggeris iaitu Race, Religion dan Royalty telah mencorakkan persaingan politik dan ekonomi sehingga menjadikannya bukan sahaja sensitif tetapi pada masa yang sama merupakan elemen-elemen yang penting. Tidak dapat dinafikan, ketiga-tiga elemen ini telah berjaya mencetuskan perjuangan nasionalisme dalam penentangan terhadap penjajah. Ia menjadi sumber utama dalam menyemarakkan kesedaran rakyat untuk mempertahankan tanahair daripada kuasa penjajah dengan harapan dapat mengekalkan *status quo*. Semangat kebangsaan dan usaha mempertahankan agama Islam telah menjadi desakan utama kebangkitan rakyat dalam menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan. Pada masa yang sama, usaha penjajah untuk mengurangkan kuasa raja juga telah melahirkan gerakan-gerakan rakyat secara kolektif dan lebih tersusun khususnya di kalangan elit Melayu pada ketika itu.

Namun begitu, peralihan kuasa daripada penjajahan British kepada gabungan Parti Perikatan menyaksikan wujudnya parti-parti politik yang berasaskan kaum seperti United Malays National Organization (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Congress (MIC). Kemudiannya dalam memulakan proses demokrasi dan berlangsungnya pilihan raya sejarah kewujudan parti politik ini bertambah dengan adanya Parti Islam Semalaysia (PAS) yang berasaskan agama dan beberapa parti lagi yang menjadi platform untuk kaum-kaum utama beraksi dalam arena politik seperti Democratic Action Party (DAP), PEople's Progressive Party (PPP) serta Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN). Persaingan parti berasaskan kaum ini akhirnya memberikan kesan yang besar apabila wabak perkauman tidak dapat dibendung sehingga berlakunya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Kempen pilihan raya pada tahun tersebut yang secara terbuka mempersoalkan hak-hak keistimewaan orang Melayu, isu bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kedudukan ekonomi orang Melayu menjadi punca berlakunya rusuhan ini. Ini adalah bukti awal bagaimana isu berkaitan dengan kaum (*race*) menjadi beban yang besar kepada pemerintah dan bagi sebuah negara demokrasi yang baharu saja merdeka.

Rusuhan tersebut yang menjadi titik tolak kepada perlunya satu pendekatan dan dasar sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial telah membawa kepada perubahan landskap politik negara ini. Parti Perikatan telah melalui anjakan dengan penyertaan lebih banyak parti politik lain seperti PAS, GERAKAN dan PPP atas alasan perpaduan dan pada masa yang sama Dasar Ekonomi Baru yang berbentuk *affirmative action* dilaksanakan. Namun begitu, keberadaan PAS dalam Barisan Nasional tidak dapat bertahan lama memandangkan perbezaan ideologi di antara UMNO dan PAS. Ini telah membawa kepada keluarnya PAS daripada Barisan Nasional pada tahun 1974 dan menjadi parti pembangkang Melayu utama yang bersaing dengan UMNO.

Perkembangan seterusnya telah menyaksikan 3R ini menjadi satu ideologi dan identiti parti utama dalam komponen BN iaitu UMNO dan mendapat dukungan daripada kumpulan-kumpulan konservatif Melayu seperti Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA), Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dan Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA) (Malhi 2015). Ia berlanjutan dan telah membentuk satu politik penaungan yang mana membawa kepada kewujudan pergantungan masyarakat Melayu kepada pemerintah yang didukung UMNO. Pada masa yang sama, persaingan dengan PAS yang mewakili kelompok aliran agama menjadikan Islam sebagai satu lagi elemen dalam meraih sokongan dan kuasa politik. Pertembungan ini bukan sekadar melibatkan usaha meraih pengaruh kuasa politik dalam pilihan raya tetapi juga mendasari hubungan kemasyarakatan yang telah membawa kepada tuduhan kafir mengkafir antara satu sama lain.

Maka pada peringkat ini, pihak berkuasa agama cuba menangani permasalahan ini dengan mengeluarkan fatwa berkaitan dengan tuduhan kafir terhadap UMNO. Menurut fatwa yang dikeluarkan pada 21 November 1984, tuduhan atau anggapan oleh mana-mana penyokong sama ada PAS atau pun UMNO terhadap satu sama lain adalah tidak benar dan sia-sia¹. Namun begitu, kesannya terhadap politik adalah jelas bagaimana sentimen agama dalam politik ini telah mewujudkan perpecahan dalam masyarakat hasil kepercayaan terhadap ideologi dan fahaman agama parti masing-masing. Bukti yang jelas adalah peristiwa berdarah yang berlaku di Memali, Kedah pada tahun 1985 merupakan hasil daripada sentimen agama yang digunakan dalam politik kepartian dalam menentang pihak pemerintah.

Selain itu, sebelum ini terdapat beberapa isu berkaitan dengan sensitiviti agama seperti penggunaan kalimah Allah, fatwa mengharamkan Pertubuhan Sisters in Islam, penangkapan mufti Perlis Dr. Asri Zainul Abidin oleh Jabatan Agama Islam Selangor atas alasan tiada tauliah dan penangkapan orang Islam yang terlibat dengan aktiviti LGBT (*lesbians, gays, bisexuals, transsexuals*) sehingga tertubuhnya *Coalition of Malaysian NGOs* (COMANGO) telah menimbulkan konflik dengan pihak berkuasa agama, parti pemerintah dan juga ketidaktenteraman dalam masyarakat (Ahmad Fauzi dan Che Hamdan 2016). Ia mempunyai kemungkinan akan terus menjadi lebih hangat dengan suasana politik semasa.

Kejatuhan dan runtuhnya hegemoni UMNO melalui suara majoriti dalam pilihan raya ke 14 menandakan hilangnya pengaruh dan sokongan Melayu terhadap parti ini. Maka dapat dilihat bermulanya sentimen berkenaan dengan wacana kuasa politik Melayu seiring dengan kejatuhan Barisan Nasional yang memerintah selama lebih 60 tahun. Sentimen ini dimainkan secara terbuka apatah lagi UMNO dan PAS berada pada barisan yang sama iaitu di pihak pembangkang. Pada masa yang sama kebangkitan politik identiti dan kelompok konservatif

¹ "PAS Perlu Bertanggungjawab Isu Amanat Hadi – Jawatankuasa Fatwa," *mStar*, Jan. 11, 2013. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/01/11/pas-perlu-bertanggungjawab-isu-amanat-hadi-jawatankuasa-fatwa>.

Melayu Islam berjaya menggerakkan masyarakat Melayu dengan memainkan isu bangsa dan agama.

Apabila kerajaan baru pada masa tersebut mencetuskan keinginan untuk meratifikasikan *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD), ia menjadi satu kesempatan untuk terus mengkritik kerajaan dan mewujudkan sentimen bahawa kedudukan orang melayu dan juga agama Islam akan terancam. Perhimpunan besar-besaran telah diadakan pada 8 Disember 2018 di Dataran Merdeka dengan gabungan penyertaan daripada dua parti politik Melayu terbesar iaitu UMNO dan PAS dan dianjurkan oleh pertubuhan Gerakan Pembela Ummah (UMMAH), Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) dan Sekretariat Kedaulatan Rakyat (RAKYAT). Penyertaan yang lebih daripada 50,000 rakyat ini merupakan bibit awal bagaimana ketegangan antara kaum dan agama (*ethnoreligious tension*) ini memberi tekanan kepada pemerintah dan tidak mampu dikawal sehingga menjadi faktor utama jatuhnya kerajaan (Temby 2020).

Natijahnya, pertembungan yang melibatkan isu-isu kaum dan agama buat masa sekarang kelihatan akan terus berlangsung. Namun begitu, dilema pemerintah adalah bagaimana ia perlu ditangani memandangkan cabaran semasa lebih sukar dengan berkembangnya teknologi komunikasi dan maklumat yang seakan tiada batasan. Maka seiring dengan itu, keperluan dakwah dan kedinamikan politik Islam di negara ini memerlukan penelitian dari segi kerangka undang-undang yang ada dan bagaimana ia mampu untuk mengharmonikan sosial dan politik negara.

Kajian Literatur

Secara umumnya, isu berkaitan dengan ketidakharmonian dalam masyarakat pelbagai kaum dengan masing-masing mempunyai fahaman agama, budaya dan cara hidup tersendiri ini bukan sesuatu yang asing. Maka kajian berkaitan dengan pergelutan dalam masyarakat majmuk ini sentiasa menjadi tumpuan pengkaji bagi melihat susunan sosial politik ini. Walau bagaimanapun, fokus kajian ini yang memperincikan isu 3R dalam dakwah dan politik Islam dari sudut undang-undang telah mendapati kajian-kajian lepas berkaitan topik ini secara umumnya banyak dibincangkan namun ia tidak menggunakan istilah ini secara khusus. Pertukaran rejim pada 2018 telah memberikan satu perspektif persaingan politik yang baru dengan isu kaum, agama dan raja. Ahmad Fauzi & Zawawi N. (2023) berdasarkan politik semasa kaum dan agama ini secara rutinnya menjadi ramuan politik dalam persaingan kepartian ini. Selain itu, beberapa kajian memberi tumpuan terhadap pengaruh sosial media juga yang membentuk persepsi dan sentimen massa berkaitan dengan isu 3R sehingga menjadi satu cabaran besar dalam membentuk keharmonian (Nur Amalina, Sabbas & Kennedy 2024, Shaiful Nizam et al., 2025 dan Khairul Azhar et al., 2024).

Manakala, ruangan politik Islam sememangnya menjadi antara bidang kajian utama dalam disiplin sains sosial di Malaysia khususnya sains politik. Bermula pada era yang dikenali sebagai kebangkitan semula Islam (*Islamic revivalism*) di Malaysia. Mohamad Abu Bakar (1981) antara sarjana terawal yang melontarkan istilah kebangkitan semula Islam (*Islamic revivalism*). Artikel beliau, *Islamic Revivalism and the Political Process in Malaysia* meletakkan faktor pendidikan dan kesedaran Islam yang semakin meluas telah membawa kepada timbulnya semangat kembali kepada Islam. Seterusnya, istilah kebangkitan semula Islam telah menjadi satu fenomena dan menjadi topik popular dalam kajian. Rata-rata kajian awal menjadikan premis ini sebagai pencetus utama gerakan dakwah di Malaysia (Hussin 1993, Muhammad Kamal 1987, Chandra 1987, Zainah 1990, Sharifah Zaleha 1994, Jomo dan

Shabery 1992). Banyak perbincangan yang berkaitan dengan politik Islam dan Islamisme di Malaysia yang merangkumi tema Negara Islam dapat dirujuk. Ini dapat diteliti dalam kajian yang dijalankan oleh Hussin (1993), Liow (2009), Kamarulnizam (2002) Ahmad Fauzi (2013, 2008). Kemudiannya analisa berkenaan politik Islam sentiasa menjadi topik apabila ia merupakan elemen utama dalam pentadbiran setiap Perdana Menteri seperti Abdullah Ahmad Badaqi (Ahmad Fauzi 2010) dan Najib Razak (Ahmad Fauzi dan Che Hamdan 2016).

Perkembangan terkini, dengan konflik politik sehingga penegasan terhadap isu berkaitan dengan 3R ini, antara yang terkesan adalah dari sudut politik Islam dan juga aktiviti dakwah sama ada dalam bentuk organisasi mahupun individu. Namun masih kurang kajian berkenaan dengan perkara ini. Antara yang didapati ialah seperti, dari segi hubungan masyarakat dalam sistem sosial dan politik bagi menangani isu berkaitan dengan 3R ini, terdapat kajian mengenai pengaruh 3R terhadap keharmonian masyarakat di negara ini (Khairul Azhar, Adam dan Ahmad Faqih 2020). Pada masa yang sama, kajian kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan memerlukan perlindungan undang-undang kerana kebebasan bersuara yang dijamin perlembagaan bukan sesuatu yang tiada had. Adzidah dan Ainun Syafiqah (2017) dalam artikel yang bertajuk '*The protection of Islam from religious insult in the context of freedom of expression*' meninjau kebebasan ini dari tiga perspektif iaitu undang-undang antarabangsa hak asasi manusia, undang-undang Malaysia dan juga undang-undang Islam.

Secara keseluruhan, berdasarkan kajian-kajian lepas, penulisan dan hasil kajian berkenaan dengan 3R ini sentiasa mendapat perhatian walaupun ianya tidak menyatakan secara jelas berkaitan dengan tiga perkara ini iaitu kaum, agama dan raja. Maka penulisan ini lebih menjurus kepada melihat bagaimana konteks semasa 3R ini dalam perjalanan dakwah dan politik Islam di negara ini dari perspektif undang-undang dan dapat mengisi kelompangan dalam bidang kajian.

Metodologi Kajian

Artikel ini adalah berdasarkan kajian kualitatif berdasarkan sumber primer iaitu temu bual dan juga sekunder dengan merujuk kepada penulisan dalam artikel, buku, berita dan juga media sosial. Memandangkan ia membincangkan berkenaan dengan kedudukan dan corak sosial politik masyarakat, perkembangan semasa yang dilaporkan adalah penting untuk diberi perhatian dalam perbincangan. Perbincangan dilakukan secara deskriptif dan juga kritis bagi memastikan ianya dapat memberi sumbangan secara objektif dalam memahami isu yang diketengahkan.

Isu 3R dalam Sistem Perundangan Malaysia

Seperti yang dimaklumi, isu berkaitan dengan kaum, agama dan istana ini sememangnya dari awal sebelum merdeka berterusan sehingga ke hari ini. Namun begitu, apa yang sering diwacanakan dewasa ini adalah bagaimana kedudukannya dari konteks pihak berkuasa yakni pemerintah dan kelompok pembangkang dalam persaingan politik. Namun begitu, ia tidak terhad kepada persaingan politik antara parti-parti politik dan pengikutnya tetapi juga menjadi berlaku dikalangan aktivis masyarakat sivil dan juga individu.

Kebebasan bersuara diiktiraf sebagai salah satu hak asasi manusia berdasarkan piawaian undang-undang antarabangsa. *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) mengariskan

bahawa setiap manusia mempunyai hak bersuara dan kerajaan perlu melindungi hak tersebut.² Begitu juga dengan *International Convenent on Civil and Political Rights* (ICCPR)³ menyatakan setiap individu mempunyai hak untuk bersuara dan menyatakan pendapatnya.

Terdapat beberapa kritikan terhadap dengan sejauh mana akan hak ini boleh dilaksanakan dan sejauh mana sekatan yang dikenakan. Salah satu perkara yang menjadi perbezaan adalah pandangan dan interpretasi kebebasan bersuara. Ini termasuk kaedah, struktur, parameter serta aplikasi hak asasi yang termaktub di dalam dokumen hak asasi antarabangsa yang tidak sesuai dengan realiti politik, ekonomi dan sosial negara timur (Bell, D., 1996). Sebagai contoh, pandangan negara barat terhadap hak kebebasan bersuara adalah berbeza dengan pandangan negara timur dalam maksud hak ini tidaklah boleh disekat oleh pemerintah manakala bagi negara timur, hak bersuara itu wujud namun mempunyai sekatan dan batasan.

Oleh itu, pandangan negara barat terhadap hak bersuara adalah tidak bersesuaian dengan struktur kehidupan masyarakat timur. Ini menyebabkan kebanyakan negara timur mengiktiraf hak kebebasan bersuara namun bukan mutlak sifatnya dan mempunyai sekatan perundangan. Ini adalah disebabkan oleh kebanyakan negara timur adalah berbeza dari segi ideologi politik, struktur masyarakat dan agama serta nilai-nilai kehidupan. Oleh yang demikian, sekatan terhadap kebebasan bersuara adalah amat perlu dalam menjamin keselamatan dan kepentingan negara.

Walaupun negara barat sering memberikan saranan dan ada ketikanya tekanan kepada negara lain untuk mengamalkan konsep universal kebebasan bersuara atas dasar hak asasi manusia, mereka sendiri melalui undang-undang domestik tidak mengamalkan hak tersebut secara mutlak. Contohnya, Amerika Syarikat telah memperkenalkan *Patriot Act*⁴ untuk menyekat hak asasi manusia termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan hak bersuara bagi tujuan pencegahan keganasan. Ini memberi kesan kepada hak asasi dan diskriminasi kepada penduduk minoriti yang mempunyai kepercayaan yang berbeza (Logan, C. C., 2006).

Selain itu, isu yang berkaitan dengan Julian Asange⁵ juga adalah satu peristiwa yang membuktikan tiada kebebasan bersuara secara mutlak. Pada masa yang sama, tindakan pentadbiran Presiden Trump, menahan aktivis pro - Palestin dengan menggunakan undang-undang imigresen adalah bukti menunjukkan sikap hipokrit barat terhadap isu yang berkaitan dengan kebebasan bersuara.⁶

² Artikel 19 UDHR menyatakan setiap individu mempunyai kebebasan dan hak bersuara serta hak menyebarkan dan mendapatkan maklumat. Walaubagaimanapun, UDHR tidak mengikat secara perundangan mana-mana negara untuk menggubal undang-undang domestik bagi tujuan tersebut. Ianya bersifat satu garis panduan dan pengiktirafan kebebasan bersuara sebagai salah satu hak asasi manusia.

³ Artikel 19 ICCPR sepertimana UDHR mengiktiraf setiap individu mempunyai hak dan kebebasan bersuara.

⁴ Patriot Act merupakan undang-undang yang digubal oleh Amerika Syarikat bagi mengekang kegiatan keganasan. Sekatan yang dilaksanakan dibawah undang-undang ini adalah termasuk risikan, isu berkaitan dengan keganasan dalam negeri, akses maklumat peribadi dan intipan.

⁵ Beliau merupakan pengasas laman sesawang wikileaks yang mendedahkan beberapa maklumat risikan Amerika Syarikat, operasi ketenteraan terutamanya melibatkan perang di Irag dan Afghanistan.

⁶ Phil McCausland, "Who is Mahmoud Khalil, Palestinian student facing US deportation?," *BBC News*, May 24, 2024, <https://www.bbc.com/news/articles/cgj5nlxz44yo>.

Undang-Undang Malaysia adalah jelas mentakrifkan apa yang dianggap sebagai isu sensitif. Seksyen 3 (1) Akta Hasutan dengan jelas menyatakan apa yang ditakrifkan sebagai kecenderungan menghasut. Ianya bermaksud,

- a) Bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan.
- b) Bagi membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sah, apa-apa jua yang wujud menurut undang-undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu.
- c) Bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana negeri.
- d) Bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia dikalangan rakyat Yang Dipertuan Agong atau Rakyat mana-mana negeri atau di kalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana negeri.
- e) Bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk berlainan di Malaysia; atau
- f) Bagi mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh Peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, Perkara 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

Sekiranya dinilai intipati peruntukkan ini, ianya secara menyeluruh menyatakan isu-isu yang berkaitan dengan 3R adalah terangkum dalam istilah isu sensitif dan pendakwaan boleh dilakukan sekiranya berlakunya pelanggaran peruntukan ini. Selain dari isu 3R, kecenderungan menghasut juga meliputi membangkitkan rasa tidak setia kepada kerajaan. Isilah 'kerajaan' dalam seksyen ini membawa kepada interpretasi yang meluas iaitu sejauh manakah perkataan yang digunakan bagi mengkritik kerajaan boleh dianggap sebagai kecenderungan menghasut.

Melihat kepada perlaksanaan Akta Hasutan, di dalam kes *Wan Ji bin Wan Ahmad v. Pendakwa raya* [2024] 1 MLJ 142, beliau telah dipenjarakan selama sembilan bulan pada 25 September 2023 atas tuduhan menghasut dan menghina Sultan Selangor pada tahun 2012. Wan Ji didakwa di bawah Akta Hasutan 1948 dan semasa membaca hujah penghakiman, Pengerusi panel hakim Datuk Hadhariah Syed Ismail dengan jelas menyatakan bahawa sekarang dengan ada 3R perlu berhati-hati dengan menggunakan perkataan sensitif terutama terhadap pihak istana (dalam kes ini Sultan Selangor)⁷. Di dalam kes ini juga Mahkamah dalam penghakimannya dengan jelas menyatakan Akta Hasutan tidak bercanggah dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan berdasarkan duluan kehakiman yang diputuskan sebelum ini. Mahkamah menyatakan bahawa ; -

'Memang benar bahawa Sivarasa Rasiah telah merujuk kepada ujian perkadaran dalam menentukan sama ada undang-undang yang berkaitan adalah konsisten dengan Perlembagaan dan telah diputuskan bahawa sekatan yang mungkin dikenakan oleh badan perundangan di bawah Perkara 10 (2) Perlembagaan adalah bukan tanpa had. Bagaimanapun dalam isu keperlembagaan Akta 15, khususnya s. 4 Akta tersebut, perkara ini telah ditangani dan telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam Public Prosecutor v. Azmi bin Shaaron [2015] 6 MLJ 751 di mana Mahkamah memutuskan bahawa s.4 (1) Akta 15 tidak bertentangan dengan

⁷ Astro Awani, "Hasut, hina Sultan Selangor: Wan Ji dipenjara hari ini," *Astro Awani*, May 28, 2024, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hasut-hina-sultan-selangor-wan-ji-dipenjara-hari-ini-438923>.

Perkara 10 Perlembagaan. Oleh itu, mahkamah mendapati tiada merit dalam rayuan perayu mengenai isu pertama berkaitan dengan Perlembagaan'

Oleh yang demikian adalah amat jelas bahawa dari sudut penghakiman mahkamah, Akta Hasutan adalah sah dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Ini juga disokong lagi dengan peruntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri yang membenarkan sekatan-sekatan terhadap kebebasan bersuara sekiranya ianya boleh memberi kesan kepada keselamatan dan kepentingan negara. Walaubagaimanapun, bagi melihat kepada keabsahan sekatan tersebut, ujian perkadaran hendaklah dijalankan. Di dalam kes *Sivarasa Rasiah v. Badan Peguam Negara & Anor* [2010] 3 CLJ 507, ujian perkadaran berdasarkan tiga perkara iaitu, pertama, tindakan tersebut mestilah adil dan tidak sewenang-wenangnya, kedua, direka dengan teliti untuk mencapai objektif dan ketiga, wujud perkadaran antara kesan sekatan dengan objektif tersebut.

Terdahulu daripada itu, pada tahu 2016, Abdullah Zaik yang pada ketika itu menjadi Presiden Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), telah didenda RM2000 oleh Mahkamah Sesyen Kajang kerana didapati bersalah di bawah akta yang sama. Beliau didapati telah menerbitkan satu artikel yang bertajuk 'Kedatangan pendatang Cina bersama penjajah British satu bentuk pencerobohan'⁸.

Selain itu, terdapat juga kes yang berprofil politik seperti yang melibatkan Menteri Besar Kedah daripada PAS iaitu Muhammad Sanusi Md Nor yang didakwa dengan dua pertuduhan menghasut dibawah Akta Hasutan 1948. Walau bagaimanapun, bagi tuduhan kecenderungan menghasut yang berkaitan dengan Sultan Selangor, beliau telah dilepas dan dibebaskan selepas Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima permohonan ampun dan maaf daripada beliau⁹. Selain itu, beliau juga didakwa di bawah akta yang sama atas tuduhan 'melakukan perbuatan yang mempunyai kecenderungan menghasut dengan menyebut perkataan yang mempunyai kecenderungan untuk membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja'¹⁰.

Manakala, pimpinan dari parti pemerintah juga tidak dapat lari daripada dikenakan tindakan undang-undang atas ketelanjuran membuat hantaran di laman *Facebook* yang menyentuh isu 3R dalam proses pelantikan Perdana Menteri. Pengarah Strategi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sarawak, Iswardy Morni telah didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 23 Januari 2025 dan didenda sebanyak RM5000.

Berdasarkan kes-kes ini, dari sudut perundangan adalah jelas bagaimana 3R ini adalah tertakluk kepada undang-undang yang sememangnya sedia ada di negara ini. Selain itu, beberapa akta lain yang boleh dikaitkan dengan 3R seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Act 588)¹¹ yang melibatkan *hate speech* atas talian dan Penal Code (Act 574)¹² di mana individu boleh

⁸"Presiden ISMA Bersalah Kerana Menghasut," *mStar*, August 30, 2016, <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/08/30/presiden-isma-bersalah-kerana-menghasut>.

⁹ Suraya Ali, "Sanusi lepas dan bebas tuduhan menghasut berkaitan Sultan Selangor," *Harian Metro*, December 5, 2024, <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1164526/sanusi-lepas-dan-bebas-tuduhan-menghasut-berkaitan-sultan-selangor>.

¹⁰ Malaysiakini, "MB Kedah mengaku tak salah tuduhan pertikai titah agong," *Malaysiakini*, June 22, 2022, <https://www.malaysiakini.com/news/672314>.

¹¹ Contohnya, Seksyen 233 berkaitan dengan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian dan lain-lain.

¹² Contohnya, Seksyen 298 iaitu menyebut perkataan-perkataan dengan sengaja berniat hendak melukakan perasaan agama seseorang, Seksyen 153 berkaitan dengan mendatangkan bangkitan-marah dengan niat

didakwa sekiranya membuat kenyataan yang menghasut dan berbentuk kebencian berkaitan dengan amalan agama dan perkauman. Namun begitu, persoalan yang sentiasa berlegar adalah dari segi tafsiran dan bagaimana ia digunakan oleh pihak pemerintah dalam memberi tekanan kepada kumpulan yang tidak sehaluan dengan kerajaan semasa. Ia menimbulkan persoalan bukan sahaja dari segi pelaksanaan tetapi juga sudut kawalan.

Kepentingan Tauliah dalam Dakwah Islam

Bagi menangani isu berkaitan dengan salah guna masjid-masjid dan institusi agama daripada wujudnya salah faham dan ketidakharmonian dalam ajaran agama Islam, kawalan berkaitan dengan pendakwah dan penceramah menjadi salah satu instrumen. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam adalah termaktub di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Bagi memastikan kelancaran pentadbiran Islam terutamanya berkaitan urusan dakwah, beberapa Kerajaan Negeri telah mewajibkan pendakwah untuk mendapatkan sijil tauliah dari pihak berkuasa agama negeri. Sebagai contoh, negeri Selangor telah menguatkuasakan peraturan tauliah melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008, bagi negeri Pahang melalui Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 dan Kaedah-Kaedah Perakuan Kebenaran Mengajar Agama Islam (Pahang) 2017, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2008 bagi negeri Kedah.

Bagi Negeri Pahang, Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) mengeluarkan garis panduan kepada pegawai masjid untuk memastikan bahawa pendakwah dan tenaga pengajar mempunyai kelayakan yang wajar untuk menjalankan kuliah atau kelas agama. Diantaranya adalah; -

- a) Mempunyai tauliah daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang atau mendapat kebenaran dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang;-
- b) Hendaklah mengajar mengikut Mazhab Syafie;
- c) Semasa mengajar tidak boleh menyentuh soal-soal politik kepartian;
- d) Mengelak dari menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat;
- e) Tidak mengeluarkan fatwa;
- f) Hendaklah mengajar di tempat yang ditentukan sahaja;

Pemegang tauliah mempunyai peranan dan kewajipan penting dalam memastikan urusan dakwah dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Contohnya, Peraturan 23 Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008, kewajipan pemegang tauliah adalah sepertimana berikut;-

- a) Memberi ceramah umum mengenai aspek Agama Islam atau mengajar Agama Islam berlandaskan Al-Quran, Al-sunnah, Ijma' dan Qias
- b) Berakhlak mulia dan amanah
- c) Menjalankan daya usaha untuk mengekalkan, memperbaiki dan mengukuhkan Persaudaraan dan perpaduan masyarakat Islam dan menggalakkan orang Islam meninggikan taraf hidup dan ekonomi serta menambahkan amalan dan takwa
- d) Tidak memfitnah saudara Islam yang lain
- e) Mematuhi undang-undang atau apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

menyebabkan rusuhan dan Seksyen 505 berkaitan dengan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam.

Walaupun Perlembagaan Persekutuan memberikan hak kepada warganya kebebasan bersuara, ianya masih tertakluk kepada batasan dan sekatan. Seperti mana yang dibincangkan di atas, isu-isu yang berkaitan dengan agama tidak boleh secara bebas diucapkan. Beberapa prosedur dan peraturan yang telah dinyatakan di dalam Enakmen Agama Islam negeri perlu diikuti dan dipatuhi terutamanya dalam keperluan untuk memperolehi tauliah. Ini adalah bertujuan memastikan tiada pihak yang menyalahgunakan agama untuk tujuan yang tidak sepatutnya.

Selain itu, keperluan dalam mempunyai tauliah adalah untuk memastikan pendakwah mempunyai kelayakan yang sebenar, menyampaikan ilmu berdasarkan kehendak agama dan bagi mengelakkan institusi agama disalahgunakan (Dimon, Z., Bakar, S. A., & Abd Majid, M. 2022). Pendakwah juga perlu disandarkan dengan keserjanaan rasmi yang berkaitan dengan ilmu pendidikan Islam untuk membolehkan mereka diberikan tauliah mengajar (Ahmad, H., Sulaiman, M., Muda, T. S. T., & PBMSK, J. S. K. 2017). Walaupun isu tauliah ini seringkali menimbulkan kontroversi apabila terdapatnya halangan dan pembatalan sesi kuliah dan juga terdapat senarai pengkuliah yang tidak dibenarkan berkuliah di negeri-negeri tertentu, namun ia menjadi satu mekanisme yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri atas alasan untuk mengelakkan wujudnya ketidakharmonian dalam masyarakat.

3R dan Politik Islam Era Malaysia Madani

Sejarah politik Malaysia sama ada dari segi persaingan politik mahu pun yang berkaitan dan sosialisasi masyarakat dan juga ekonomi sememangnya terikat dengan wacana 3R ini tetapi yang lebih menonjol adalah agama dan kaum. Namun begitu, dengan berkembangnya teknologi maklumat, kebebasan rakyat untuk turut sama dalam memberi ulasan dan komen menjadi lebih terbuka dan bebas. Selain itu, pertukaran rejim telah menimbulkan ketidakstabilan politik bermula pada tahun 2018 apabila kerajaan yang dibentuk sejurus selepas pilihan raya ke-14 telah bertukar selepas 22 bulan. Polemik bermula apabila mekanisme pelantikan perdana menteri yang baru melibatkan kuasa Yang DiPertuan Agung (YDPA) seperti mana yang diperuntukkan dibawah Perkara 43 (2) (a) dan Perkara 40 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan.¹³ Ia berlanjutan apabila Parlimen tergantung buat pertama kali dan sekali lagi YDPA memainkan peranan bagi menilai sokongan terbanyak.

Maka ia membuka ruang kepada interpretasi politik dan perundangan tentang kuasa pelantikan Perdana Menteri yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Perdana Menteri Anwar Ibrahim telah mendapat kepercayaan dan sokongan ahli Parlimen dengan membawa usul percaya di Parlimen untuk menentukan sokongan majoriti, namun pihak pembangkang masih tidak dapat menerima hakikat tersebut. Inilah yang membawa kepada ketidaksetujuan daripada sesetengah pemimpin terhadap keputusan yang melibatkan YDPA sehingga membawa kepada implikasi perundangan seperti mana kes Muhammad Sanusi dan juga Iswary di atas.

Persaingan politik yang menjurus kepada kaum dan agama juga semakin ketara setiap kali berlakunya kempen pilihan raya umum walaupun tegahan sentiasa dilakukan oleh pihak berkuasa. Apa yang berlaku semasa kempen PAS dan DAP dalam pilihan raya yang ke 15 yang lalu, ayat-ayat yang merujuk kepada 3R menjadi komponen utama kempen dapat dilihat dengan

¹³ Perkara 43 (a) menyatakan bahawa YDPA melantik Perdana Menteri yang pada hemat Baginda mempunyai sokongan majoriti di Dewan Rakyat dan Perkara 40 (2) (a) menyatakan pelantikan Perdana Menteri adalah kuasa budi bicara YDPA. Namun begitu kuasa pelantikan ini adalah berpandukan kepada individu yang mendapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat.

jelas. Sebagai contoh, salah seorang pemimpin PAS dengan lantang menyatakan bahawa ‘undi BN dan PH akan membawa ke neraka’ dan Presiden PAS juga mengungkapkan bahawa ‘DAP mempromosikan Islamofobia dan komunisme’. Manakala bagi pihak DAP, melalui Pengerusi DAP Perak, Nga Kor Meng membuat ugutan berkaitan dengan agenda Islam PAS dilihat sebagai Taliban yang akan membawa kepada kemunduran (Mohd Irwan dan Nadhrah 2024). Hasilnya, kita dapat lihat bagaimana pecahan undi yang jelas di antara kaum utama iaitu Melayu, Cina dan juga India apabila DAP terus mengekalkan kuasa mereka di kawasan majoriti bukan Melayu manakala PAS telah berjaya mendapat jumlah kerusi Parlimen terbanyak dalam sejarah apabila mendapat sokongan majoriti pengundi Melayu melalui kerjasama politik mereka bersama dengan Parti Peribumi Melayu Malaysia (Bersatu). Ke arah mana politik negara ini dapat dinilai dengan jelas apabila politik berasaskan identiti ini semakin membiak dan isu 3R akan sentiasa berlegar.

Ini secara tidak langsung membuktikan bagaimana legasi politik Islam yang mana persaingan tidak hanya terhad antara PAS dan UMNO yang masing-masing ingin menjuarai perjuangan Islam tetapi juga pertembungan yang lebih keras dengan kelompok Muslim yang liberal dan juga non Muslim. Sebagai contoh, Pertubuhan seperti Sisters in Islam yang mencabar fatwa yang mengisytiharkan mereka sesat oleh Majlis Agama Islam Selangor memperlihatkan bagaimana konfrontasi dengan pihak berkuasa agama ini membawa kepada penyelesaian melalui undang-undang iaitu di mahkamah.

Lanjutan dari itu, kejayaan Anwar Ibrahim menduduki takhta tertinggi eksekutif di negara ini bersama dengan parti pakatan politik pimpinannya membawa harapan reformasi. Antara perkara-perkara utama yang diberi penekanan sama ada semasa beberapa siri kempen pilihan raya sebelum ini mahupun perjuangan semenjak zaman reformasi pada tahun 1998 adalah untuk memberikan kebebasan kepada rakyat dari segi kebebasan bersuara dan penyertaan dalam proses demokrasi berlandaskan apa yang dijamin dalam perlembagaan. Sehingga kini, menilai beberapa akta yang masih ada ternyata ia tidak banyak yang perubahan yang berlaku. Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 dan Akta Hasutan 1948 umpamanya yang sering dicanangkan sebagai menyekat kebebasan bersuara masih lagi kekal malah digunakan untuk sabitan berkaitan dengan isu-isu 3R. Human Rights Watch (HRW) dan SUHAKAM telah mengkritik kerajaan kerana berterusan menggunakan akta ini terhadap pengguna media sosial dan juga aktivis politik.

Malah, Anwar dengan tegas menyatakan bagaimana kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana pihak yang terus menyentuh isu 3R secara terbuka. Beliau secara terbuka dalam wawancara di stesen-stesen televisyen utama pada 1 Mei 2024, memaklumkan bahawa ia adalah dari pada ‘raja-raja Melayu secara konsensus meminta supaya kerajaan lebih tegas menghalang. Ini kerana mereka merasa tidak adil. Raja-raja Melayu diserang tapi tidak boleh jawab’. Ini bukan kali pertama beliau menunjukkan ketegasan berkaitan dengan perkara ini, pada 11 Julai 2023, semasa mempengerusikan mesyuarat Majlis Perundingan Pimpinan Kerajaan Perpaduan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, Perdana Menteri menyatakan bahawa pemantauan akan dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan Polis Diraja Malaysia ke atas mana-mana pihak yang cuba mengeksploitasikan isu 3R. Menurut beliau,

'Ini amaran terakhir daripada kerajaan sebab saya selaku Perdana Menteri tidak ada pilihan kerana desakan dalam kalangan ahli fikir dan untuk pertahankan keselamatan negara'¹⁴.

Diakui bahawa isu melibatkan kaum dan agama merupakan antara cabaran utama bukan sahaja dari segi politik tetapi juga ekonomi dan sosial. Apa-apa isu yang berkaitan dengan tiga elemen ini boleh sahaja dieksploitasi untuk membentuk sentimen perkauman mahupun keagamaan. Namun begitu, berdasarkan pengalaman, tindakan ini mungkin adalah satu strategi politik bagi mengelakkan berulangnya kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2020 (PH 1.0). Isu perkauman yang dimainkan seperti ideologi politik Ketuanan Melayu Islam (Chin 2020) dan polarisasi kaum dan agama Dettman (2020) menjadi antara sebab utama jatuhnya kerajaan Pakatan Harapan pada waktu itu. Pelantikan barisan kabinet pimpinan Dr Mahathir dari awal lagi telah menjadikan isu perkauman apabila Lim Guan Eng dilantik sebagai Menteri Kewangan dan kemudiannya Tommy Thomas diangkat menjadi Peguam Negara.

PAS lantang ketika itu mengkritik pemerintah yang melantik bukan Islam bagi jawatan utama dalam negara (Ufen 2022). Naratif yang dibawa pembangkang pada masa itu, bermula dengan perhimpunan ICERD yang dibincangkan di atas dan sentimen perkauman yang melibatkan pelantikan ini serta beberapa keputusan kerajaan yang berkaitan dengan Tabung Haji dan isu LGBT gagal dikawal. Natijahnya, tekanan hebat ini hanya membuatkan kerajaan bertahan selama 22 bulan sahaja. Lantaran itu, maka tidak hairan bagaimana isu amaran berkaitan dengan 3R ini akan sentiasa didendang kerana ia juga menjadi senjata dua serangkai iaitu untuk mencegah sebarang hasutan dan *hate speech* tetapi pada masa yang sama untuk memastikan isu 3R ini tidak menjadi beban kepada parti yang memerintah.

Walaupun bagaimanapun, respon daripada pihak pembangkang dan juga aktivis politik sosial menyifatkan bahawa kerajaan pimpinan Anwar Ibrahim mengambil kesempatan di atas isu 3R ini. Ketua Pembangkang, Hamzah Zainuddin menyelar tindakan mendakwa Muhammad Sanusi di bawa Akta Hasutan 1948 dan menyifatkannya sebagai satu 'penganiayaan berunsurkan politik dan menyalahgunakan perundangan negara'¹⁵. Bagi bekas Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad tindakan kerajaan berkenaan dengan isu 3R ini seolah-olah negara ini masih lagi di bawah kuasa penjajah kerana dihalang untuk bercakap berkenaan dengan perkara tersebut. Beliau menegaskan bahawa larangan 3R ini bukan satu undang-undang dan tidak boleh dijadikan satu sekatan terhadap rakyat¹⁶.

Mahathir beranggapan Anwar sebagai seorang Perdana Menteri yang mempunyai kelebihan politik kerana menggunakan isu 3R bagi mengekang pihak yang tidak bersetuju dengan beliau. Oleh itu beliau mempunyai kelebihan kerana dia berkuasa dan dengan jelas menggunakan undang-undang berkaitan dengan 3R sedangkan pihak pembangkang dikongkong dengan perkara ini¹⁷. Selain itu, Muhyiddin Yassin yang juga bekas Perdana Menteri mendakwa bahawa usaha parti beliau iaitu Bersatu berusaha untuk mempertahankan hak Melayu dan

¹⁴ Mediacorp Berita, "PM Anwar beri amaran terakhir jangan sentuh isu 3R," *Mediacorp*, February 21, 2024, <https://berita.mediacorp.sg/dunia/pm-anwar-beri-amaran-terakhir-jangan-sentuh-isu-3r-770041>.

¹⁵ Umavathi Ramayah, "Kes Sanusi: Peguam Negara nafi wujud pendakwaan terpilih, bermotifkan politik," *Astro Awani*, March 27, 2024, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-sanusi-peguam-negara-nafi-wujud-pendakwaan-terpilih-bermotifkan-politik-428845>.

¹⁶ Mohd Noor, M. H. (2024, August 28). *Malaysia belum 'merdeka', rakyat disekat cakap soal isu 3R – Dr Mahathir*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/malaysia-belum-merdeka-rakyat-disekat-cakap-soal-isu-3r/>

¹⁷ Temubual dengan Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana, 10.30 pagi, 12 Oktober 2023.

Bumiputra serta pada masa yang sama ingin memartabatkan Islam. Walaubagaimanapun, mereka telah dikepung dengan sekatan yang diistilahkan sebagai 3R tersebut¹⁸.

Manakala Lawyers for Liberty (LFL) dan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) turut tidak selesa dengan penekanan yang diberikan oleh kerajaan PH terhadap isu 3R. Pengarah LFL, Zaid Malek melihat kerajaan menggunakan 3R sebagai satu alasan bagi setiap pelanggaran hak kebebasan sivil yang menyekat rakyat dan pada masa yang sama ia merupakan satu 'penipuan terhadap rakyat'. Bagi BERSIH, Pengerusinya, Faisal Abdul Aziz menyeru kerajaan agar melibatkan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memperhalusi undang-undang dan akta sedia ada agar ia tidak digunakan secara kabur¹⁹. Bagi gerakan sivil, kritikan terhadap isu 3R ini adalah kekecewaan terhadap pengekalan Akta Hasutan yang disifatkan sebagai undang-undang warisan penjajah dan tidak lagi relevan pada masa kini. Selain itu, ia dilihat jelas bercanggah dengan hak kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Namun begitu, Perdana Menteri menafikan tuduhan yang dihalakan kepada beliau dan bertegas bahawa isu 3R di bawah pentadbiran beliau ini adalah untuk menjamin ketenteraman di kalangan masyarakat. Berucap sempena ulang tahun ke 25 SUHAKAM, beliau sekali lagi menegaskan bahawa kuasa yang ada pada beliau tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mencetuskan kebencian antara kaum di negara ini. Ini adalah bagi menjamin keamanan²⁰.

Ironinya, cadangan agar Akta Hasutan 1948 dikekalkan dengan pindaan juga diutarakan bagi mengelakkan isu 3R dimanipulasi. Bagi bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamed bertegas agar akta ini dikekalkan dengan alasan 'sejarah dan kepentingannya melindungi hak absah dijamin Perlembagaan' (Azril 2023). Selain, Muhyiddin Yassin semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri pada 2014 ketika berucap pada Perhimpunan Agung UMNO menyuarakan pandangan bahawa akta ini harus dikekalkan dengan penambahbaikan. Selain itu, Kambol, R. (2024) menyatakan bahawa Akta Hasutan perlu dikekalkan bagi mengawal isu-isu sensitif bagi tujuan menjaga keselamatan dan kepentingan negara dengan pindaan dan semakan. Walaupun sekatan kebebasan bersuara yang dikenakan adalah sah dari sudut undang-undang, kenyataan-kenyataan yang berunsur hasutan terus berlaku terutamanya di media sosial (Samsu, K. H. K. et al., 2024).

Ketegangan antara parti-parti politik dan juga antara parti pemerintah dan pembangkang berkaitan dengan isu 3R ini akan terus berlangsung selagi mana mereka berjuang berasaskan politik identiti dan perjuangan kepentingan kaum dan agama. Isu 3R ini sekiranya digunakan untuk mengelakkan perpecahan dan ke arah kestabilan nasional ia memberikan satu kesan yang besar namun penilaian semual akta-akta yang menyekat kebebasan bersuara adalah satu cadangan yang harus dipertimbangkan.

¹⁸ "Muhyiddin: Government labelling Bersatu's fight for bumiputra, Islam as 3R offence," *Malaysiakini*, November 4, 2024, <https://www.malaysiakini.com/news/718539>.

¹⁹ Mohd Iskandar Ibrahim, "Henti guna isu 3R untuk pertahan Akta Hasutan," *Berita Harian*, March 21, 2024, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1228119/henti-guna-isu-3r-untuk-pertahan-akta-hasutan>

²⁰ Mohd Farhan Darwis, "Government not preventing 3R talks," *Free Malaysia Today*, September 9, 2024, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/09/anwar-denies-claims-govt-preventing-3r-related-discussions/>.

Kesimpulan

Usaha untuk reformasi yang melibatkan politik dan institusi merupakan satu cabaran bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang plural. Walaupun kerajaan pimpinan Anwar Ibrahim dilihat cuba untuk menunaikan janji reformasi untuk persaingan politik yang lebih bebas dan jaminan hak-hak asasi manusia namun cabaran semasa seakan menafikan kemampuan tersebut. Isu 3R yang sentiasa diberikan perhatian untuk mengekang kebebasan bersuara tidak dapat tidak menjadi satu liabiliti kepada pentadbiran beliau. Ini menjadikan komitmen ke arah penghapusan undang-undang seperti Akta Hasutan yang dilihat sudah ketinggalan zaman tidak dapat direalisasikan.

Sebagai pemimpin politik yang pernah dinobatkan sebagai seorang demokrat muslim perencanaan beliau sebagai seorang Perdana Menteri yang mempunyai pengalaman sebagai pemimpin gerakan Islam, pejuang bahasa Melayu dan juga pernah menjadi pimpinan utama semasa era BN, naratif politik yang mendukung kebebasan dan prinsip demokrasi perlu diberi penekanan. Memahami bahawa demokrasi bukan sesuatu yang mutlak, maka kebebasan bersuara dari sudut undang-undang perlu ditekuni bagaimana menyesuaikan keadaan masyarakat yang berbilang kaum. Pada masa yang sama kedudukan kaum majoriti dan agama Persekutuan iaitu Islam hendaklah sentiasa dipelihara selari dengan peruntukan perlembagaan. Maka, isu berkaitan dengan dakwah khususnya dalam konteks politik Islam di negara ini memerlukan perbincangan dan wacana yang berterusan agar ia dapat menonjolkan satu masyarakat sosio-politik yang matang.

Penggunaan undang-undang sedia ada perlu diperhalusi dan pada masa yang sama sifatnya yang ingin mencegah berlakunya konflik sentiasa diberi penekanan. Kuasa agama yang berada di bawah kuasa kerajaan negeri memerlukan penambahbaikan dari segi memahami keperluan semasa berkaitan dengan kepercayaan dan fahaman Islam yang berdasarkan pengalaman sehingga kini wujudnya pertembungan antara kelompok konservatif dan juga pegangan umum dalam masyarakat.

Cabaran dalam mencorakkan sebuah negara yang mampu membentuk perpaduan nasional melalui kebebasan berdasarkan prinsip-prinsip demokrasi adalah laluan sukar dalam realiti masyarakat yang berbilang kaum sekiranya berterusan mengulangi naratif yang sama seperti sebelum ini. Isu kaum, agama dan raja - 3R- ini adalah cukup kompleks kerana kesannya kepada landskap sosio-politik negara ini adalah sangat besar dan pelbagai dimensi. Walaupun hakikat bahawa kepelbagaian masyarakat hasil daripada sejarah pembentukan negara ini menyumbang kepada pembentukan identiti yang unik namun dengan meningkatnya persaingan kuasa politik ia memberi impak dan cabaran yang besar kepada negara. Dasar yang lebih inklusif dan pendekatan ke arah merapatkan jurang antara kaum menerusi dialog antara budaya dan mendukung prinsip demokrasi memberi harapan kepada memberi jaminan agar isu 3R dapat beransur-ansur hilang dalam konteks politik Malaysia.

Bibliografi

- Abd Bakar, S. N., Abdul Halim, A. H., Ismail, N., Mohd Sharif, S., Ismail, N., & Rameli, M. F. P. (2024). Media sosial dan isu 3r: platform perbincangan atau pemangkin ketegangan? *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance*, 7 (1), 112–124. https://doi.org/10.24191/JIPSF/v5n22023_1-11
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2010a) Politically Engaged Muslims in Malaysia in the Era of Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009). *Asian Journal of Political Science*, 18:2, 154-176
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2013) Political Islam and Islamist Politics in Malaysia. *Trends in Southeast Asia*, No. 2. ISEAS.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid and Che Hamdan Che Mohd Razali. (2015), 'The Changing Face of Political Islam in Malaysia in the Era of Najib Razak, 2009-2013', *Sojourn: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, vol. 30, no. 2, pp. 301-337.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. (2007) Patterns of state interaction with Islamic Movements in Malaysia during the formative years of Islamic resurgence. *Southeast Asian Studies*, Vol. 44, No. 4, March.
- Ahmad Fauzi, & Zawawi, N. (2023). The interplay of race, religion and royalty in contemporary Malaysian politics. In K. Rajandran & C. Lee (Eds.), *Discursive approaches to politics in Malaysia* (pp. 25-48). Springer. https://doi.org/10.1007/978-981-19-5334-7_2
- Ahmad, H., Sulaiman, M., Muda, T. S. T., & PBMSK, J. S. K. (2017). Imarah Masjid: Analisa Awalan Ke Atas Isu Tauliah Dan Kelayakan Tenaga Pengajar. *Universiti Islam Pahang*, 356
- Ali, S. (2024, December 5). Sanusi lepas dan bebas tuduhan menghasut berkaitan Sultan Selangor. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/12/1164526/sanusi-lepas-dan-bebas-tuduhan-menghasut-berkaitan-sultan-selangor>
- Amin, A. M. (2023, July 30). *Tambah baik Akta Hasutan elak isu 3R terus dimanipulasi*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1129266/tambah-baik-akta-hasutan-elak-isu-3r-terus-dimanipulasi>
- Astro Awani. (2024, May 28). *Hasut, hina Sultan Selangor: Wan Ji dipenjara hari ini*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hasut-hina-sultan-selangor-wan-ji-dipenjara-hari-ini-438923>
- Bell, D. (1996). The East Asian challenge to human rights: Reflections on an East West dialogue. *Human Rights Quarterly*, 18(3), 641-667
- Chandra Muzaffar. (1987). 'Islamic resurgence : a global view (with illustrations from Southeast Asia)'. In *Readings in Malaysia politics* Dlm. Bruce Gale (pnyt.). Selangor: Pelanduk Publications.
- Chin, J. (2020). Malaysia: The 2020 putsch for Malay Islam supremacy. *Round Table*, 109(3), 288–297.
- Darwis, M. F. (2024, September 9). *Government not preventing 3R talks*. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/09/09/anwar-denies-claims-govt-preventing-3r-related-discussions/>
- Dettman, S. (2020). Authoritarian innovations and democratic reform in the 'New Malaysia'. *Democratization*, *27*(6), 1073–1091. <https://doi.org/10.1080/13510347.2019.1705791>
- Dimon, Z., Bakar, S. A., & Abd Majid, M. (2022). Pentauliah Pengajaran Agama Di Masjid Dan Surau: Tinjauan Ringkas Undang-Undang Islam Di Malaysia:(Accreditation Of Religious Teaching In Mosques And Surau: A Brief Review Of Islamic Law In Malaysia). *International Journal Of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*, 11-26.

- Hussin Mutalib. (1993) *Islam in Malaysia : from revivalism to Islamic state*. Singapore: Singapore University Press.
- Ibrahim, M. I. (2024, March 21). *Henti guna isu 3R untuk pertahan Akta Hasutan*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1228119/henti-guna-isu-3r-untuk-pertahan-akta-hasutan>
- Jomo, K S dan Ahmad Shabery Cheek. (1992) Malaysia's Islamic movement. Dlm. Kahn, Joel S. Dan Francis Loh Kok Wah (pnyt). *Fragmented vision: culture and politics in contemporary Malaysia*. Hlm. 79-106. ASAA: Southeast Asia Publications Series.
- Kamarulnizam Abdullah. (2002) *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan. Bangi.
- Kambol, R. (2024). Menangani Isu–Isu Sensitif Berkaitan, Agama, Bangsa Dan Institusi Raja (3r) Dalam Politik Melalui Pendekatan Undang-Undang Suatu Penilaian Semula. *Journal Of Law And Governance*, 6(1), 86-104.
- Liow, Joseph Chinyong. (2009) *Piety and politics: Islamism in Contemporary Malaysia*. Oxford University Press.
- Logan, C. C. (2006). Liberty or Safety: Implications of the USA PATRIOT Act and the UK's Anti-Terror Laws on Freedom of Expression and Free Exercise of Religion. *Seton Hall L. Rev.*, 37, 863.
- Malaysiakini. (2022, June 22). *MB Kedah mengaku tak salah tuduhan pertikai titah agong*. <https://www.malaysiakini.com/news/672314>
- Malhi, A. (2015). Like a child with two parents: Race, religion and royalty on the Siam-Malaya frontier, 1895-1902. *The Muslim World*, *105*(4), 472–495. <https://doi.org/10.1111/muwo.12107>
- McCausland, P. (2024, May 24). Who is Mahmoud Khalil, Palestinian student facing US deportation?. *BBC News*. <https://www.bbc.com/news/articles/cgj5nlxz44yo>
- Mediacorp Berita. (2024, February 21). *PM Anwar beri amaran terakhir jangan sentuh isu 3R*. <https://berita.mediacorp.sg/dunia/pm-anwar-beri-amaran-terakhir-jangan-sentuh-isu-3r-770041>
- Meerangani, K. A., Abdul Hamid, M. F., Abd Wahab, N. A., Satar, A., & Martin, D. (2024). The influence of 3r (race, religion, royalty) on the harmony of society in the digital era. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, *8*(5), 2076–2083.
- Meerangi, K. A., Badrulhisham, A., & Ibrahim, A. F. (2020). *Pengaruh 3R (Race, Religion, Royalty) terhadap keharmonian masyarakat di Malaysia era Revolusi Industri 4.0* [E-Prosiding Shis X 2020 Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Antarabangsa, Universiti Malaya
- Mohamad Abu Bakar. (1981) Islamic revivalism and the political process in Malaysia. *Asian Survey*, 21:10, 1040-1059.
- Muhammad Kamal Hassan. (1987) The response of Muslim youth organizations to political change: HMI in Indonesia and ABIM in Malaysia. Dlm. Roff, William R. (Pnyt.) *Islam and the political economy of meaning*. London & Sidney: Croom Helm.
- Mohd Noor, M. H. (2024, August 28). *Malaysia belum 'merdeka', rakyat disekat cakap soal isu 3R – Dr Mahathir*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/malaysia-belum-merdeka-rakyat-disekat-cakap-soal-isu-3r/>
- Muhyiddin: Government labelling Bersatu's fight for bumiputra, Islam as 3R offence. (2024, November 4). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/718539>

- PAS Perlu Bertanggungjawab Isu Amanat Hadi – Jawatankuasa Fatwa. (2013, January 11). *mStar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/01/11/pas-perlu-bertanggungjawab-isu-amanat-hadi--jawatankuasa-fatwa>
- Presiden ISMA Bersalah Kerana Menghasut. (2016, August 30). *mStar*. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/08/30/presiden-isma-bersalah-kerana-menghasut>
- Ramayah, U. (2024, March 27). *Kes Sanusi: Peguam Negara nafi wujud pendakwaan terpilih, bermotifkan politik*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-sanusi-peguam-negara-nafi-wujud-pendakwaan-terpilih-bermotifkan-politik-428845>
- Saidin, M. I. S., & Azrun, N. (2024). Digital media and religious sentiments in Malaysia: Critical discourse analysis of Pan-Malaysian Islamic Party and Democratic Action Party cyberspace campaigns in the 15th general election. *Religions*, 15 (8), 920. <https://doi.org/10.3390/rel15080920>
- Samsu, K. H. K., Ismail, M. M., Lee, Y. F., Ab Razak, R. R., Ab Majid, A., Nor, M. S. M., & Adnan, Z. H. (2024). Tahap Kefahaman Mengenai Kenyataan Berbaur Kebencian di Media Sosial dalam Kalangan Masyarakat Malaysia: Level of Understanding Regarding Hate Speech on Social Media within Malaysians. *Sains Insani*, 9(2), 246-257
- Sharifah Zaleha Syed Hassan. (1994) Religious Reforms and Legitimacy. *Ilmu Masyarakat*, 85-108. Terbitan Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Temby, Q. (2020). *Social media and polarization in the "New Malaysia"* (No. 2020/107; Perspective). ISEAS–Yusof Ishak Institute.
- Temubual dengan Tun Dr Mahathir Mohamad di Yayasan Kepimpinan Perdana, 10.30 pagi, 12 Oktober 2023.
- Ufen, A. (2022). The Downfall of Pakatan Harapan in Malaysia: Coalitions during Transition. *Asian Survey*, 61(2), 273-296. <https://doi.org/10.1525/as.2021.61.2.273>
- Yaakob, A., & Rajuddin, A. S. (2017). The protection of Islam from religious insult in the context of freedom of expression. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Vol. 5 No. 2 (2017): Mjssl - Volume 5, No. 2, 2017
- Zainah Anwar. (1987) *Islamic revivalism in Malaysia: dakwah among students*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.